

**DRAF TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG. KOL. PROF. DATUK SERI PANGLIMA DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN SUKAN MAHASISWA BORNEO**  
**PADA**  
**02 DISEMBER 2009 (RABU)**  
**JAM 7.45 MALAM**  
**BERTEMPAT DI**  
**STADIUM UMS**

**SALUTATION**

Y.Brs. Tuan Hj. Omar Abd. Rahman  
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMS  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Mahasiswa Borneo

Pengarah-pengarah Kampus dan wakil.

Pegawai – Pegawai Utama UMS

Dekan – Dekan / Pengarah-pengarah Pusat / Ketua-ketua Jabatan / Ketua-ketua Unit UMS

Para Atlet Yang Dikasihi

Para Pengurus dan Jurulatih

Sukarelawan

Tuan – Tuan Dan Puan – Puan Sekalian

**Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan perkenanNya maka kita dapat bersama-sama berada di majlis perasmian Kejohanan Sukan Mahasiswa Borneo pada malam yang penuh bersejarah ini. Saya bagi pihak Universiti Malaysia Sabah mengalu-alukan kehadiran Y.Brs. Tuan Hj. Omar Abd. Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di atas kesudian menyempurnakan majlis pada malam ini walau pun beliau juga mempunyai jadual tugas yang agak ketat.

Untuk makluman Y.Brs. Tuan Hj., kejohanan ini pada asalnya dijadualkan berlangsung pada 15 sehingga 19 Ogos 2009 yang lalu tetapi terpaksa ditunda atas langkah-langkah kesihatan, kerana pada masa yang sama berlaku kes penularan wabak H1N1 pada tahap yang membimbangkan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua atlit, jurulatih, pengurus pasukan dan para pegawai dari 14 kontinjen yang mengambil bahagian dalam kejohanan pada kali ini. Tidak lupa Kontinjen daripada Universiti Borneo, Tarakan, Indonesia yang turut mengambil bahagian dalam kejohanan yang pertamakalinya dianjurkan di Kepulauan Borneo ini. Syabas saya ucapkan.

Tahniah kepada barisan Jawatankuasa Pelaksana yang telah berusaha dengan gigih bagi memastikan persiapan dan penganjuran kejohanan ini berjalan lancar. Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh para mahasiswa yang bertindak sebagai sukarelawan dalam penganjuran kejohanan sebegini, jelas mencerminkan bahawa mahasiswa-mahasiswi hari ini bukan sekadar mengejar kejayaan akademik tetapi turut mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang diadakan di Universiti dari semasa ke semasa. Penyertaan sebegini akan memberikan faedah dalam pembangunan diri dan sahsiah pelajar.

Para Hadirin dan Hadirat sekalian,

Saya yakin, sukan merupakan antara aktiviti penting yang dapat menjadi mekanisme utama dalam pembentukan masyarakat yang sejahtera. Nilai-nilai bersama yang dikongsi melalui semangat juang yang tinggi, penuh kesabaran, berdisiplin serta tahap pengurusan yang berkesan, di samping kepimpinan yang cemerlang dalam memastikan sesuatu kejayaan, merupakan antara faktor pengajaran secara tidak langsung yang dapat diterokai melalui aktiviti seperti ini. Bukan mudah untuk berjaya. Bukan mudah juga untuk menjadi pemimpin yang berkesan dalam sesuatu pasukan. Ianya memerlukan semangat toleransi yang tinggi, sabar dengan karenah ahli dan memerlukan tahap kebijaksanaan yang tinggi untuk mengatasi lawan sekali gus akan menjadikan seseorang itu lebih matang dalam melaksanakan amanah yang dipikulnya.

Inilah antara ciri-ciri utama yang harus dikuasai. Semangat kesukanan yang kukuh dan kental, semangat juang yang tidak mudah mengalah dan sebagainya turut menjadi faktor penentu dalam kita meneroka sesuatu kejayaan. Sukan, olahraga dan rekreasi juga merentasi halangan kaum, bangsa, agama, budaya dan juga bahasa. Ianya mampu menyatukan setiap kelompok masyarakat yang berbeza dengan Satu wadah kesukanan.

Inilah yang harus dipamerkan melalui penyertaan para atlit pelajar dalam kejohanan seumpama ini. Jadikan apa yang dilalui melalui penyertaan dalam aktiviti seumpama ini sebagai wahana untuk mencapai kejayaan. Semangat perpaduan yang jitu dan tidak mudah putus asa dapat memastikan saudara-saudari menyemai semangat yang sama dalam kehidupan seharian. Sukan, olahraga dan rekreasi harus menjadi pemangkin kepada semangat perpaduan yang jitu ddalam kalangan kita semua.

Saya berharap, semoga para atlit pelajar yang mengambil bahagian akan berusaha dengan lebih kental dan berinovatif untuk keluar daripada lingkaran pemikiran selesa yang dimiliki. Keluarlah daripada pemikiran biasa untuk mencapai kejayaan dalam apa jua usaha yang dilakukan. Kajilah kekuatan dan kekurangan sendiri untuk akhirnya kita berupaya menerobos sempadan diri yang ada untuk lebih berjaya lagi.

Sesungguhnya, sukan bukan sahaja dapat mengekalkan kesihatan fizikal malah membina kekuatan mental seperti mengawal emosi, fokus, menyusun strategi dan membina semangat berpasukan. Di sini kita boleh melihat kekuatan mental mampu mempengaruhi corak permainan di samping kekuatan fizikal yang dimiliki. Selain itu semangat kesukanan yang tinggi dalam kalangan atlit juga dapat melatih diri para atlit untuk mempunyai minda yang terbuka dan peka serta responsif kepada kepelbagaian situasi.

Para Hadirin Sekalian,

Akhir Kata, sebagai tuan rumah saya mengharapkan agar semua atlet dan pegawai yang terlibat akan berasa selesa sepanjang berada di UMS ini. Saya juga mendoakan agar semua peserta yang mengambil bahagian diberi kesejahteraan dan kesihatan yang baik untuk terus maju dalam semua lapangan. Tahniah kepada yang berjaya dan kepada yang kurang berjaya diharapkan menjadikan kejohanan ini sebagai satu 'platform' untuk mencipta kejayaan yang lebih bermakna di masa akan datang.

**MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA.**

Sekian, Assalamualaikum w.b.t.